

MECD: LPKP/20/S/656/1 Jld. 2(25)



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 3 TAHUN 2008**

**SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN PERUBAHAN SEMENTARA (LPS)
BAGI PENGGUNAAN BAS SEKOLAH UNTUK MEMBAWA ROMBONGAN
(CATAR)**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH: 15 FEBRUARI 2008

Semua Pengusaha / Persatuan Bas Sekolah
Semenanjung Malaysia.

SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN PERUBAHAN SEMENTARA (LPS) BAGI PENGGUNAAN BAS SEKOLAH UNTUK MEMBAWA ROMBONGAN (CATAR)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan syarat-syarat bagi pengeluaran Lesen Perubahan Sementara (LPS) bagi penggunaan bas sekolah untuk membawa rombongan (catar).

LATAR BELAKANG

2. Berikutan kejadian kemalangan jalan raya yang kerap berlaku pada akhir-akhir ini, LPKP telah mengetatkan syarat-syarat pengeluaran LPS bagi bas sekolah untuk memastikan bas-bas yang digunakan untuk membawa rombongan bagi perjalanan jauh benar-benar selamat di jalan raya dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

3. Dalam menetapkan syarat-syarat tersebut, LPKP telah mengambil kira keperluan pengusaha bas sekolah untuk memperolehi pendapatan sampingan dengan membuat perkhidmatan membawa rombongan (catar) termasuk keperluan orang ramai terutama penduduk luar bandar yang ingin membuat lawatan sosial / melancong.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LPS BAGI BAS SEKOLAH

4. Syarat-syarat permohonan LPS adalah seperti berikut:

a) Had usia:

- (i) Bagi bas sekolah yang berusia 15 tahun* ke bawah tiada jarak perjalanan ditetapkan.
- (ii) Bagi bas yang berusia 16 tahun hingga 20 tahun** jarak perjalanan tidak melebihi 300 km sehala.

(Penjelasan: * - usia tidak mencapai 16 tahun,
** - usia tidak mencapai 21 tahun)

b) Masa lawatan:

LPS dikeluarkan pada hari **cuti persekolahan** dan **cuti umum** sahaja. Lawatan pada hari persekolahan hanya dipertimbangkan jika ia berkaitan dengan aktiviti persekolahan atau pun program rasmi anjuran kerajaan dengan menyertakan surat sokongan/pengesahan.

c) Syarat am:

- (i) Mempunyai cukai jalan mengikut kiraan bas catar bagi tempoh sekurang-kurangnya satu minggu.
- (ii) Mempunyai perlindungan insuran mengikut Bahagian IV 90 dan 91 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- (iii) Senarai nama penumpang hendaklah disertakan bersama di dalam bas.
- (iv) Tidak dibenarkan mengambil rombongan di kawasan Terminal Bas Ekspres atau di kawasan operasi Bas Ekspres.
- (v) Jika memandu melebihi 300 KM sehala atau 4 jam berterusan, diwajibkan ada pemandu kedua dan Buku Log.
- (vi) Mempunyai kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM.
- (vii) Pengesahan tiada saman tertunggak (JPJ/PDRM/LPKP).

KUASA MELULUSKAN LPS


5. Selain LPKP, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri/Wilayah juga dibenarkan untuk meluluskan permohonan LPS (kecuali LPS musim perayaan) berdasarkan syarat-syarat di atas. Ini adalah untuk memudahkan urusan pengusaha-pengusaha yang tinggal berjauhan daripada pejabat LPKP Wilayah.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”



(NAIMAH BT. RAMLI)

Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
Semenanjung Malaysia
Kementerian Pembangunan Usahawan.

15 FEBRUARI 2008

Salinan:

Ketua Pengarah,
Jabatan Pengangkutan Jalan,
Aras 1-5, Blok D4, Parcel D,
62502 PUTRAJAYA.

Pengarah JPJ Negeri/Wilayah.

Ketua Polis Negara,
PDRM Cawangan Trafik,
Bukit Aman,
50560 KUALA LUMPUR.

Ketua Operasi PUSPAKOM,
Aras 3, Wisma DRB-HICOM,
No. 2, Jalan Usahawan U1/8,
Seksyen U1,
40150 SHAH ALAM.

(u.p: YM Raja Mahmud Shah bin Dato' Raja Ibrahim)

Edaran Dalaman:

Y.B. Dato' Pengerusi LPKP
Y. Bhg. Dato' KSU
TKSU (P)

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah
Pengarah (LPKP) Wilayah Timur
Pengarah (LPKP) Wilayah Utara
Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan
KPP (LPKP) 3

} Sila tampal pekeliling ini pada papan kenyataan di pejabat LPKP Wilayah.

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan,
Ibu Pejabat.